

Headline	UUM anjur Bengkel Pengurusan Skim Pencen		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	18 Apr 2012	Color	Black/white
Section	News	Circulation	238,082
Page No	30	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 593
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,779



UUM anjur Bengkel Pengurusan Skim Pencen

ALOR SETAR 17 April - Jabatan Pendaftar Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Bengkel Pengurusan Skim Pencen di Langkawi pada 7 hingga 9 Mei ini.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar, Unit Latihan Jabatan Pendaftar, Azahari Azmi, bengkel berkenaan akan dihadiri pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menerangkan lebih lanjut mengenai skim tersebut.

Katanya, pegawai itu yang dijemput selaku penceramah akan menjawab sebarang persoalan tentang faedah skim pencen kepada peserta yang menyertainya.

"Bukan sahaja bakal pesara yang perlu mengikut bengkel ini malah penyertaan juga bagi pegawai-pegawai sumber manusia yang menguruskan pencen di organisasi.

"Langkah ini diambil agar maklumat kaedah pe-

ngurusan pencen serta perundangan ditetapkan di bawah syarat perkhidmatan awam dapat difahami seterusnya disampaikan kepada mereka yang akan bersara nanti," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Azahari berkata, program tiga hari itu juga akan membincangkan mengenai skim pencen yang merangkumi kefahaman kepada skim ini, faedah persaraan, gantian cuti rehat, urusan persaraan, pencantuman perkhidmatan lepas, urusan persaraan, pemberian taraf pencen, masalah dan tindakan oleh bahagian pencen.

Selain itu, katanya, para peserta akan dibawa melawat beberapa tempat menarik di Langkawi.

Tambahnya, mereka yang berminat boleh menghubungi talian 04-9283089, 04-9284179 atau 04-9283025 untuk keterangan lanjut.